

21/12/2000

Gabungan Suara Melayu pertahan hak istimewa

KUALA LUMPUR, Rabu - Pertubuhan yang mewakili orang Melayu, membentuk Gabungan Suara Melayu untuk menjelaskan kepada masyarakat mengenai pentingnya bersatu dan mempertahankan hak keistimewaan orang Melayu.

Gabungan itu yang akan menjelajah ke seluruh negara untuk menjelaskan isu berkenaan, disertai persatuan pemandu teksi, peniaga, petani, pertubuhan belia dan pelajar.

Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Datuk Suhaimi Ibrahim, ketika mengumumkan penubuhan gabungan itu hari ini berkata, GPMS akan menjadi sekretariat gabungan berkenaan.

Katanya, gabungan berkenaan yang ditubuhkan untuk menggerakkan kembali semangat orang Melayu, bersetuju melantik Presiden Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB), Datuk Seri Abdul Rahman Maidin, sebagai pengerusi penasihat.

"Kita akan turun padang untuk memupuk perpaduan di kalangan orang Melayu yang kelihatan berpecah agar semua pihak bersatu mempertahankan perkara yang mempunyai kepentingan Melayu," katanya pada sidang akhbar di pejabat GPMS di sini.

Mengenai kesediaan Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-Persatuan Cina Malaysia (Suqui) menerima pelawaan Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein untuk berdialog, Suhaimi berkata:

"Kita menerima baik langkah itu walaupun ia agak terlewat. Pemuda Umno sepatutnya bertindak lebih awal, bukan untuk mencari publisiti tetapi bagi kepentingan orang Melayu."

Beliau berkata, Suqui sepatutnya menarik balik tuntutan yang boleh mengguris perasaan orang Melayu dalam memorandum 83 perkara itu, selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, meminta berbuat demikian.

"Ini tidak, mereka sebaliknya membuat kenyataan akhbar keesokannya tidak akan berundur sedikit pun daripada tuntutan itu, yang dibuat sejak lebih setahun lalu.

"Sekiranya perbincangan boleh menyelesaikan, Suqui sudah lama berbuat demikian kerana pemimpin mereka sudah menemui dan berdialog dengan Perdana Menteri," katanya.

Dr Mahathir ketika menjawab soalan di Dewan Rakyat 12 Disember lalu, berkata Suqui mencabar kontrak sosial yang menjadi asas pembentukan Malaysia apabila mendesak kerajaan memenuhi 83 tuntutannya.

Kata Perdana Menteri, jika semua tuntutan itu dipenuhi, kerajaan terpaksa mengetepikan Perlembagaan dan membelakangkan kontrak sosial yang menjadi asas negara ini.

Suhaimi berkata, GPMS akan terus mengadakan majlis penerangan di seluruh negara bagi mengingatkan orang Melayu agar bersatu semula untuk mempertahankan hak mereka.

Suhaimi berkata, GPMS akan tetap mengadakan perhimpunan 100,000 orang Melayu di Stadium Nasional sekiranya Suqui tidak menarik balik tuntutan dalam tempoh sebulan, berakhir 14 Januari depan.

Perhimpunan itu, katanya, bukan bertujuan bertindak ganas sebaliknya, melahirkan rasa tidak puas hati terhadap tuntutan Suqui yang boleh menjejaskan masa depan orang Melayu.

(END)